



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MEI 2023

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menyusut kepada negatif 4.6 peratus pada Mei 2023

PUTRAJAYA, 27 Jun 2023 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang mencatatkan penurunan negatif 4.6 peratus pada Mei 2023 berbanding negatif 3.0 peratus pada April 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MEI 2023**.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), "Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus mencatatkan penurunan negatif 27.2 peratus pada Mei 2023 (April 2023: -26.0%), terutamanya disebabkan oleh indeks Buah tandan segar kelapa sawit yang terus jatuh kepada negatif 42.4 peratus (April 2023: -40.3%). Sektor Perlombongan juga mencatatkan penurunan dua angka sebanyak negatif 10.7 peratus (April 2023: -4.7%), dengan indeks Pengekstrakan petroleum mentah turun negatif 18.1 peratus. Selain itu, sektor Pembuatan turun marginal kepada negatif 1.1 peratus (April 2023: 0.1%). Ini disebabkan oleh penurunan yang signifikan dalam Indeks Pembuatan produk makanan negatif 9.6 peratus dan diimbangi dengan kenaikan dalam indeks Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal sebanyak 6.6 peratus. Sementara itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing naik 3.0 peratus dan 1.2 peratus."

DOSM turut menjelaskan "Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan menurun sebanyak negatif 0.4 peratus, selepas peningkatan 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Perlombongan turun negatif 2.5 peratus, disebabkan oleh penurunan kedua-dua

indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-2.4%) dan Pengekstrakan gas asli (-2.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turun negatif 0.7 peratus, dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan negatif 2.3 peratus. Sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan negatif 0.2 peratus pada Mei 2023, disebabkan oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-1.2%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-0.6%). Di samping itu, indeks Bekalan air turun negatif 0.1 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas naik 0.6 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus turun kepada negatif 20.1 peratus pada Mei 2023 (April 2023: -17.6%), dengan indeks Bahan bukan makanan turun negatif 24.2 peratus. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menurun sebanyak negatif 1.6 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (-6.2%) dan Bekas (-3.7%). Sementara itu, indeks Barang siap naik 3.0 peratus disumbangkan oleh peningkatan Kelengkapan modal (3.8%) dan Barangan pengguna siap (2.0%).”

Semua peringkat pemprosesan telah merekodkan penurunan pada asas bulanan, di mana Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun sebanyak negatif 0.9 peratus, Bahan perantaraan, bekalan & komponen (-0.4%) dan Barangan siap (-0.2%).

DOSM turut menjelaskan bahawa harga komoditi dijangka jatuh pada tahun ini, terutamanya pada harga tenaga. Justeru, ketidaktentuan harga tersebut telah memberi kesan kepada indeks harga pengeluar bagi kebanyakan negara. IHPR Amerika Syarikat menyederhana kepada 1.1 peratus berbanding 2.3 peratus pada April 2023. Harga pengeluar China juga terus susut negatif 4.6 peratus berbanding negatif 3.6 peratus pada bulan sebelumnya. Begitu juga inflasi pengeluar India terus menurun sebanyak negatif 3.5 peratus (April 2023: -0.9%) disebabkan kejatuhan harga komoditi. Manakala IHPR Jepun meningkat 5.1 peratus berbanding 5.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Selain itu, DOSM turut menyatakan, “Harga minyak sawit mentah jatuh lebih rendah baru-baru ini berikutan semakan semula *Domestic Market Obligation (DMO)* oleh Indonesia yang telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2023. Berdasarkan semakan tersebut, Indonesia telah membuat beberapa perubahan pada polisi berikut – mengurangkan sasaran minyak masak domestik daripada 450,000 tan kepada 300,000 tan, mengetatkan nisbah eksport daripada 1:6 kepada 1:4 dan mengeluarkan semula permit eksport yang digantung lebih awal

daripada tempoh asal. Dasar itu dilaksanakan bagi mengawal pengeluaran minyak masak tempatan dan eksport.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 27 Jun 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 JUN 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
MAY 2023**

***Malaysia's Producer Price Index slid to negative 4.6 per cent
in May 2023***

PUTRAJAYA, 27th June 2023 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the prices of goods at the factory gate recorded a negative 4.6 per cent decrease in May 2023 as against a negative 3.0 per cent in April 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MAY 2023**.

According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), "The Agriculture, forestry & fishing sector recorded a further decline of negative 27.2 per cent in May 2023 (April 2023: -26.0%), mainly due to the Oil palm fresh fruit bunches index which continued to drop negative 42.4 per cent (April 2023: -40.3%). The Mining sector also posted a double-digit decrease of negative 10.7 per cent (April 2023: -4.7%), with the Extraction of crude petroleum index down to negative 18.1 per cent. In the meantime, the Manufacturing sector marginally declined by negative 1.1 per cent (April 2023: 0.1%). This was due to the significant decrease in the Manufacture of food products index of negative 9.6 per cent and offset by the increase in the Manufacture of computer, electronic & optical products index of 6.6 per cent. Meanwhile, Water supply and Electricity & gas supply indices edged up 3.0 per cent and 1.2 per cent, respectively."

DOSM also explained that, "On a monthly basis, PPI local production slipped by negative 0.4 per cent, after an increase of 0.2 per cent in the previous month. The Mining sector dropped negative 2.5 per cent, reflected by the decline of both Extraction of crude petroleum (-2.4%) and Extraction of natural gas (-2.7%) indices. The Agriculture, forestry & fishing

sector went down to negative 0.7 per cent, with the index of Growing of perennial crops posted a negative 2.3 per cent. The Manufacturing sector also recorded a decline of negative 0.2 per cent in May 2023, due to Manufacture of coke & refined petroleum products (-1.2%) and Manufacture of computer, electronics & optical products (-0.6%). Furthermore, the Water supply index edged down by negative 0.1 per cent, while the Electricity & gas supply index moved up 0.6 per cent.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, “The Crude materials for further processing index declined further to negative 20.1 per cent in May 2023 (April 2023: -17.6%), with the Non-food materials index down negative 24.2 per cent. The Intermediate materials, supplies & components index decreased by negative 1.6 per cent due to the decline in index of Materials & components for manufacturing (-6.2%) and Containers (-3.7%). Meanwhile, the Finished goods index went up 3.0 per cent contributed by the increase in Capital requirement (3.8%) and Finished consumer goods (2.0%).”

All stages of processing recorded a decrease on a monthly basis, which Crude materials for further processing declined by negative 0.9 per cent, Intermediate materials, supplies & components (-0.4%) and Finished goods (-0.2%).

DOSM further elaborated that commodity prices are expected to fall this year, especially energy prices. Therefore, the volatility of prices affected the index of producer prices for most countries. The PPI of the United States of America moderated to 1.1 per cent as compared to 2.3 per cent in April 2023. China’s producer price also continued to slip by negative 4.6 per cent as against negative 3.6 per cent in the previous month. Similarly, India’s producer inflation declined further by negative 3.5 per cent (April 2023: -0.9%) due to a drop in all commodities. Meanwhile, Japan’s PPI moved up 5.1 per cent as compared to 5.9 per cent in the previous month.

In addition, DOSM also stated that “The crude palm oil prices dived to a lower price recently following Indonesia’s revision to its Domestic Market Obligation (DMO) which has been implemented commencing 1st May 2023. On the revision policy, Indonesia has made a few changes on several policies – reducing the domestic cooking oil target from 450,000 tonnes to 300,000 tonnes, tightening the export ratio from 1:6 to 1:4 and releasing suspended export permits earlier than the original period. The policy was executed to manage the production of local cooking oil and exports.”

Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 27th June 2023

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance to the release of Quarterly.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 27th June 2023



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27th JUNE 2023